PROGRAM GEMPUR KECEMERLANGAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2022
ANJURAN BERSAMA
MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA
CAWANGAN NEGERI PERLIS

PP3766/1

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2022
PERNIAGAAN
Kertas 1 & Kertas 2
PP

PERATURAN PEMARKAHAN

PERNIAGAAN

Kertas 1 & Kertas 2

Peraturan pemarkahan ini mengandungi 11 halaman bercetak

1 Apakah tujuan kewujudan sesebuah perniagaan?

A Mewujudkan peluang pekerjaan
B Membantu masyarakat setempat
C Menambahkan pendapatan negara
D Menawarkan barang dan perkhidmatan

2 Gambar 1 berkaitan dengan sejenis bentuk pemilikan perniagaan.



Gambar 1

Mengapakah Encik Ahmad memilih penubuhan perniagaan di atas?

A Liabiliti terhad
B Modal lebih besar
C Beban cukai rendah
D Bilangan pemilik ialah antara 2-20 orang

3 Antara yang berikut, kriteria manakah yang menentukan saiz perniagaan?

I Bilangan pekerja tetap
II Jumlah jualan tahunan
III Jumlah bahan mentah
IV Jumlah aset dan pembangunan

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

7 Maklumat berikut berkaitan dengan faktor yang membawa perubahan kepada persekitaran perniagaan.

> Syarikat ULTRA Sdn. Bhd. merupakan sebuah perniagaan yang berjaya. Antara faktor penyumbang yang dikenal pasti ialah pengurusnya bijak menjaga hubungan dengan pekerja. Tindakan tersebut telah memberi motivasi kepada pekerja agar berusaha untuk mencapai matlamat yang ditetapkan.

Apakah gaya pengurusan yang diamalkan oleh pihak pengurusan syarikat tersebut?

A Gaya pengurusan sokongan
B Gaya pengurusan sederhana
C Gaya pengurusan autokratik
D Gaya pengurusan *laissez-faire*

8 Antara berikut, yang manakah merupakan kesan perubahan persekitaran terhadap organisasi perniagaan dari aspek undang-undang?

I Lambakan barang import
II Pembangunan dalam teknologi
III Kewujudan sistem perniagaan secara adil
IV Melindungi hak semua pihak dalam perniagaan

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

9 Pernyataan manakah yang berkaitan dengan visi dan misi?

A Visi menyokong pernyataan misi
B Visi lebih umum berbanding misi
C Visi dibuat oleh pengurusan atasan, misi dibuat oleh pengurusan pertengahan
D Visi dibuat oleh pengurusan pertengahan, misi dibuat oleh pengurusan atasan

10

> Objektif Syarikat Batik Sri Suci adalah dengan meningkatkan pengeluaran batik sebanyak 6 000 helai dalam masa dua minggu bagi memenuhi permintaan pengguna. Pernyataan objektif di atas mempunyai ciri SMART, iaitu :

Pilih penyataan yang benar tentang objektif Syarikat Batik Sri Suci.

A Munasabah
B Jangka masa
C Boleh diukur
D Boleh dicapai

19 Mengapakah pemberian insentif yang munasabah penting kepada pekerja bagi sesebuah organisasi?


I Meningkatkan imej syarikat
II Menjamin kesetiaan pekerja
III Meningkatkan motivasi pekerja
IV Meningkatkan kreativiti pekerja

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

20 Bagaimanakah sumber teknologi dilindungi?

A Memohon lesen daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia
B Mendaftar paten dan hak cipta terpelihara dengan pihak MyIPO
C Memohon kelulusan daripada Kementerian Perdagangan dan Industri Asas Tani
D Memohon kebenaran daripada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Malaysia

21 Rajah 1 merupakan prosedur mengurus sumber teknologi.



Rajah 1

Antara berikut, yang manakah merupakan prosedur yang betul bagi *S*?

A Insurans
B Keselamatan
C Penyelenggaraan
D Hak cipta terpelihara

22 Antara berikut, manakah yang merupakan modal perniagaan sebuah agensi pengiklanan?

I Wang tunai
II Pereka grafik
III Kenderaan pemilik
IV Peralatan teknologi maklumat

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

23 Manakah sumber pembiayaan luaran bagi sebuah pasaraya yang ditubuhkan sebagai perniagaan perkongsian?

I Syer
II Pemfaktoran
III Overdraf bank
IV Modal daripada keuntungan

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

24 Maklumat di bawah ini berkaitan dengan sejenis sumber pembiayaan luaran.

Puan Manisah ingin memulakan perniagaan butik. Memandangkan beliau memerlukan modal permulaan sebanyak RM50 000 dengan kadar segera, Puan Manisah menjadikan barang kemas miliknya sebagai cagaran untuk mendapatkan pinjaman melalui Skim Pajak Gadai-i, Bank Rakyat.

Apakah sumber pembiayaan berkenaan?

A Pajakan
B Ar-Rahnu
C Sewa beli
D Pemfaktoran

25 Apakah kelemahan sumber pembiayaan dalaman kepada usahawan?

A Tertakluk kepada terma dan syarat
B Memerlukan penjamin dan cagaran
C Menghadapi kos seperti faedah atas pinjaman
D Sukar menambah modal dalam masa yang singkat

26 Maklumat berikut berkaitan dengan sebuah dokumen perniagaan.

Dikeluarkan apabila pemilik membawa masuk kenderaan ke dalam perniagaan

Nyatakan dokumen tersebut

A Memo
B Invois
C Bil Tunai
D Penyata Bank

Bahagian B

(30 markah)

Jawab mana-mana **DUA** soalan dalam bahagian ini.

7 Maklumat berikut berkaitan dengan Perniagaan Hanie Mochi Boba.

> Puan Hanie merupakan pengeluar Mochi Boba yang terkenal di Kangar. Syarikat ini telah meluaskan sayapnya dengan membekalkan Mochi Boba di beberapa buah rangkaian hotel di kawasan Utara Semenanjung. Di sebabkan perniagaan semakin maju, syarikat telah mencapai keuntungan tahunan sebanyak 16 juta dan telah menggaji seramai 80 orang pekerja.

a) i) Huraikan klasifikasi saiz yang tepat bagi Perniagaan Hanie Mochi Boba. [3 markah]

ii) Apakah skala yang menepati ciri-ciri yang dinyatakan. Berikan **tiga** alasan yang sesuai. [4 markah]

b) Terangkan faktor luaran yang boleh memberi kesan positif kepada syarikat Puan Hanie agar lebih maju dalam perniagaan Mochi Boba. [8 markah]

8 Maklumat berikut berkaitan dengan Syarikat Mawar Kejora Berhad.

> Syarikat Mawar Kejora Berhad merupakan sebuah syarikat pengeluaran dan penjualan pelbagai jenis lampu untuk pasaran tempatan. Pengarah urusan syarikat ialah Cik Wina. Syarikat mempunyai beberapa jabatan iaitu Jabatan Pentadbiran, Jabatan Sumber Manusia dan Jabatan Pengeluaran.
>
> Jabatan Pentadbiran diketuai oleh Encik Mokhtar manakala Jabatan Sumber Manusia diketuai oleh Encik Anthony yang bertanggungjawab sepenuhnya terhadap hal ehwal pengurusan pekerja. Cik Manoj, seorang jurutera berpengalaman dan mempunyai pengetahuan luas dalam bidang kejuruteraan elektrik dan elektronik pula mengetuai Jabatan Pengeluaran.
>
> Cik Manoj dibantu oleh dua orang penyelia pengeluaran iaitu Cik Ainul dan Encik Razman. Encik Rashdan pula bertugas sebagai penyelia jabatan sumber manusia.

a) Berdasarkan maklumat di atas,

i) Namakan struktur organisasi yang diamalkan oleh Syarikat Mawar Kejora Berhad. [1 markah]

ii) Lakar dan labelkan carta organisasi Syarikat Mawar Kejora Berhad. [7 markah]

b) i) Berikan maksud rancangan perniagaan. [2 markah]

ii) Senaraikan kepentingan rancangan perniagaan kepada usahawan. [5 markah]

Bahagian C

(20 markah)

Jawab **SEMUA** soalan dalam bahagian ini.

10 Encik Raimy Eshak bekerja di sebuah syarikat swasta sebagai pegawai kewangan selama 5 tahun. Dia kemudiannya berhenti kerja kerana ingin memulakan perniagaan yang didaftarkan dengan kebenaran syarikat induk. Encik Raimy Eshak yakin dapat menjayakan perniagaannya disebabkan pengalamannya selama 5 tahun dalam bidang kewangan. Pelbagai bantuan diberikan oleh syarikat induk bagi memastikan Family Food Mart mengikut piawaian yang ditetapkan.

Family Food Mart telah beroperasi selama 4 tahun di Taiping Perak dan penyata pendapatan bagi tahun berakhir 2021 menunjukkan peningkatan untung bersih kerana kejayaan dalam pengurusan strategi pemasaran.

Encik Raimy Eshak telah menyewa sebuah premis perniagaan dengan sewa RM 3,400 sebulan. Dia telah membuat beberapa kerja pengubahsuaian agar menjadi sebuah pasar mini yang dapat menempatkan pelbagai barangan keperluan harian.

Encik Raimy Eshak dibantu oleh beberapa orang pekerja yang sangat dedikasi dan setia dalam menjalankan tugas. Berikut merupakan sistem penggajian yang diamalkan oleh Family Food Mart.

Nama Pekerja	*Jawatan*	*Gaji (RM)*
Raimy Eshak	Pengurus	6,500
Sara Qistina	Pengurus Pentadbiran / Kewangan	4,200
Danish Hakim	Pengurus Pemasaran / Jualan	4,200
Zaki Esmail	Penyelia	35 sehari
Rushdi Ali	Pekerja Operasi	15 sejam
Aminah Hassan	Pekerja Operasi	15 sejam
Melor Ariff	Pekerja Operasi	15 sejam

Pada peringkat awal operasi bangunan baharu, aktiviti jualan berjalan agak perlahan. Bilangan pengunjung tidak ramai tetapi semakin meningkat dari sehari ke sehari. Atas saranan pekerjanya, Encik Raimy Eshak telah menggiatkan aktiviti mempromosikan kedainya termasuk memasang lampu berwarna-warni di kedai, memberi diskaun dan sebagainya. Selain itu, dia juga mengedarkan risalah kepada penduduk setempat dan di kawasan kejiranan yang lain. Hasil daripada kegiatan promosi yang dijalankan, jumlah pelanggan semakin ramai dan ini telah meningkatkan jumlah jualan.

PERATURAN PEMARKAHAN
PERNIAGAAN 1 (3766 / 1)

1.	D
2.	C
3.	A
4.	A
5.	D
6.	D
7.	B
8.	D
9.	C
10.	B
11.	A
12.	D
13.	C
14.	B
15.	D
16.	D
17.	A
18.	C
19.	C
20.	B

21.	D
22.	B
23.	C
24.	B
25.	D
26.	A
27.	A
28.	C
29.	A
30.	D
31.	D
32.	C
33.	C
34.	C
35.	B
36.	B
37.	C
38.	D
39.	C
40.	B

Suka sampel ini?

Kertas Trial SPM

Perniagaan (40+ set)

- Kertas trial SPM dari banyak negeri untuk subjek yang dipilih
- Skema jawapan / cadangan jawapan
- Set Penuh: semua 17 subjek dan jadual ulangkaji A+

RM12.90

BELI SEKARANG >

nightmew.com/p/kertas-percubaan-spm · FPX online banking · download serta-merta